

# Kanak-kanak kurang nutrisi meningkat 0.3%

**Kuala Lumpur:** Kanak-kanak berusia bawah lima tahun di negara ini yang mengalami kekurangan nutrisi yang teruk meningkat kepada 0.3 peratus, tahun lalu.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, ia berbanding hanya 0.2 peratus jumlah kanak-kanak beru-

sia bawah lima tahun di negara ini yang mengalami kekurangan nutrisi yang teruk pada 2021.

Katanya, data terbaru itu diperoleh menerusi Statistik Kanak-Kanak Malaysia 2023 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Melihat kepada aspek kesihatan katanya, indi-

kator kekurangan nutrisi yang dilaporkan dalam penerbitan berkenaan adalah berdasarkan kanak-kanak berusia di bawah lima tahun yang hadir ke fasiliti kesihatan negara ini.

“Kanak-kanak negara ini yang berusia di bawah lima tahun yang mengalami kekurangan nutrisi

yang sederhana turut meningkat 0.1 peratus kepada 1.4 peratus tahun lalu, berbanding hanya 1.3 peratus pada 2021.

“Bilangan kanak-kanak yang terbabit dengan jenayah tahun lalu pula merekodkan penurunan 12.8 peratus iaitu 3,013 kes berbanding 3,457 kes pada 2021,” katanya.